



CENDERAMATA: Kasim (tiga kiri) menyampaikan cenderamata kepada Masri pada majlis itu.



FORUM: Ahli panel forum menaibus isu berkaitan peranan keluarga dan penyalahgunaan dadah.

UMS kerjasama AADK dan MBS perkas kesedaran bahaya dadah di kalangan masyarakat

UB 27.01.2023 P.08

KOTA KINABALU: Kesedaran masyarakat mengenai bahaya dadah terus diperkasakan dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Majlis Belia Sabah (MBS).

Usaha itu dipergiatkan dengan pelaksanaan Program Keluarga Bahagia Masyarakat Sejahtera di Masjid Al-Nur Kampung Rampayan di sini baru-baru ini.

Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Kasim merasmikan program berkenaan yang disifatkan selaras dengan slogan UMS 'Leading towards Innovative Societies' sempena Majlis Perutusan Tahun Baharu 2023 & 100 Hari Naib Canselor.

Beliau berkata, program jalinan kerjasama UMS, AADK dan MBS ini adalah penggerak kepada usaha-usaha pembangunan sosial dan komuniti dalam memastikan ia memberi impak kepada masyarakat serta memberi ruang kepada pihak UMS serta agensi berkaitan dalam menyumbang kepada masyarakat setempat.

Pihaknya yakin dan percaya bahawa program seumpama

itu akan memberi impak yang besar kepada pembangunan institusi keluarga kerana ia menggabungkan kepakaran daripada khidmat pakar agama, kaunselor dan pakar perubatan.

"Dalam memastikan program seperti ini akan sentiasa berterusan, Fakulti Pengajian Islam UMS akan menjadikan Masjid Al-Nur sebagai rakan strategik untuk aktiviti para pelajar.

"Di samping itu, dalam memastikan setiap keluarga dapat melahirkan keluarga bahagia masyarakat sejahtera, setiap ahli keluarga perlu berpegang kepada kunci 'takwa'.

"Apabila semua ahli keluarga memainkan peranan masing-masing dalam meningkatkan ketakwaan, pastinya isu-isu penyalahgunaan dadah dan juga masalah gejala sosial dapat diatasi dan ditangani dengan sebaik mungkin," katanya.

Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah forum Keluarga Bahagia Masyarakat Sejahtera yang dikendalikan oleh Prof. Madya Dr. Mohd Nazri Mohd Daud dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UMS.

Forum berkenaan menampilkan ahli panel terdiri daripada Dekan Fakulti Pengajian Islam UMS Prof. Dr. Mohd Dahlan Abdul Malek; Presiden MBS Abqaree Fawwaz Abekan dan Kaunselor Dr. Wan Anor Wan Sulaiman.

Pada forum itu, Dahlan menekankan kepada isu kesihatan mental dan kepentingan psikologi dalam memastikan keluarga bahagia, manakala Wan Anor memfokuskan kepada bagaimana menangani ahli keluarga yang terjebak dengan penyalahgunaan dadah dan juga stigma masyarakat.

Sementara itu, Abqaree pula membincangkan mengenai peranan MBS dalam menangani isu penyalahgunaan dadah dalam masyarakat.

Pada majlis itu, Kasim juga turut menyantuni seramai 34 ibu tunggal dan 30 anak yatim dengan menyampaikan sumbangan daripada pihak penganjur.

Turut hadir, Pengarah AADK Sabah Nani Sikin; Penolong Pengarah AADK Sabah Dayang Siti Rohani Sedan dan Pengerusi Masjid Al-Nur Masri Mansor.